

10/04/2001

Enam artis ubat rindu peminat Kelantan

KERINDUAN peminat Gua Musang untuk menemui artis terkenal tanah air selepas sekian lama tersisih berikutan kerajaan Kelantan pimpinan Pas mengharamkan pertunjukan pentas membabitkan penyanyi di negeri ini akhirnya terubat, pagi kelmarin.

Enam artis yang diundang khas untuk mengetuai senamrobik itu ialah Bob Lokman, Norman Hakim, Ani Mayuni, Syikin, Noniswara dan Abby Abadi.

Semua artis kelihatan ceria bersama peminat itu sempena lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ke Gua Musang.

Gaya senamrobik mengikut rentak muzik yang disiarkan menyemarakkan lagi hubungan peminat dengan artis itu dan sekali gus menyokong usaha artis dalam industri nyanyian dan lakonan.

Sebagai melepas kerinduan peminat, artis kesayangan termasuk Bob, Syikin, Abby dan Norman tidak putus-putus melayan peminat untuk bergambar dan menandatangani autograf.

Sebilangan besar peminat khususnya pelajar lebih tertarik kepada pelakon drama Gerak Khas, Inspektor Aleeza (Abby) yang kini khabarnya sedang bercinta dengan Norman.

Selepas senamrobik, peminat menyertai larian kira-kira tujuh kilometer untuk sampai ke garisan penamat berhampiran Balai Rakyat Bukit Chekati, Gua Musang.

Hampir sejam bersama peminat, artis itu turut menyampaikan hadiah kepada pemenang larian di samping menyambut ketibaan Perdana Menteri untuk merasmikan mesyuarat agung perwakilan Umno bahagian Gua Musang.

(END)